UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

# PELAWAAN UNTUK CADANGAN (RFP)
## PENGUBAHSUAIAN, NAIK TARAF DAN OPERASI
## PUSANIKA UKM (KOMERSIAL)

Tawaran Pelawaan Untuk Cadangan (RFP) ini dipelawa kepada syarikat tempatan yang berdaftar di Malaysia yang berwibawa dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang yang berkaitan.

| No. RFP | Tajuk RFP | Tarikh & Tempat Dokumen RFP Dikeluarkan | Tarikh Tutup Penghantaran Dokumen Cadangan |
|---|---|---|---|
| UKM KZN/276/10 | Pengubahsuaian, Naik Taraf dan Operasi Pusanika UKM (Komersial) | **Tarikh Pembelian dokumen:** 1- 15 Februari 2019<br><br>**Masa:** 10.00 pagi – 4.00 petang<br><br>**Tempat:** Khazanah-UKM, Aras 4, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor | **Tarikh**: 11 Mac 2019<br><br>**Masa:** Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari<br><br>**Alamat:** Pengarah Eksekutif, Khazanah-UKM, Aras 4, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor |
| Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan diadakan pada **1 Februari 2019 jam 10.00 pagi** di **Bilik Gerakan HEPA, Aras 6, Bangunan Pusanika** | | | |
| Harga Dokumen: RM 500.00 senaskah (tidak akan dikembalikan) | | | |

1. Salinan sijil pendaftaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan salinan pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) hendaklah dikemukakan bersama.

2. Syarikat adalah **diwajibkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak** untuk menyertai RFP ini. Dokumen RFP hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.

3. Syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan ketika pembelian dokumen RFP tersebut. Dokumen RFP boleh diperolehi di alamat yang dinyatakan dan dengan bayaran yang ditetapkan hendaklah dibuat secara **Bank Deraf/Kiriman Wang** sahaja di atas nama Universiti Kebangsaan Malaysia.

4. Syarikat yang tersenarai diminta untuk membuat satu pembentangan kepada UKM pada masa yang akan ditentukan kemudian.

5. UKM tidak terikat untuk menerima mana-mana cadangan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya atau sebarang RFP. UKM juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab penolakan serta tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan oleh syarikat yang mengemukakan RFP.

6. Kertas cadangan yang diterima selepas jam **12.00 tengah hari pada 11 Mac 2019** akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.